

<p>Sogit do Pomogunan Tinuturan di Soyinsin Imbangan Kg. Batition 1998</p>	<p>Legenda Manusia Terakhir yang Dikorbankan Dikisahkan oleh Soyinsin Imbangan Kg. Batition 1998 Terjemahan Melayu: Rosnah Nain 2012</p>	<p>Legend of the Final Human Sacrifice Told by Soyinsin Imbangan Batition Village 1998 English: James Johansson 2012</p>
<p>Waro tongondu nokorikot sitid pomogunan, sitid Butition ka, di muula. Adi, maay sambato d̄iri dit tulun ka; minaan pendokodo id walay ka. Adi, waro tongondu minang-ambabaya. Ka dit tulun siri ka, it woyoon kokikiro, moleeng, “Maay duyu ambabaya, osian ino,” ka dit tulun siri. Adi, miambabaya d̄iri it tongondu, sampay norikot ot sontoon ka.</p> <p>Adi, norikot o sontoon, miboboros d̄iri it tongo tulun siri dot maan garaso, tu sogit dot pomogunan ka. Nga, amu-i nelalaan dit tongondu ka. Adi, om piuriringkaw n̄ono iri ka, turu o pomogunan dot minititimumg dot miniupakat. Adi, it piniupakatan kabarasan diri, onom tadlaw, koturu, mangan no garaso it tongondu. Maay nopo diri, norikot no d̄iri it janji, kororongow no dit tongondu ka dot maan garaso i kondiri yo. “Ay,” ka dit tongondu ka, “notipu oku, ondos ku ong mangambabaya kow-i dogon babanar, dot patayon oku-i bala dikoo. Nga, kadung patayon oku dikoo, okon-ko piantataraon oku dikoo, tu okogid o tonsi ku,” ka dit tongondu. “Oõ,” ka dit tulun siri ka.</p> <p>Adi, iri nobo kabarasan, turu tadlaw it janji, onom tadlaw koturu, ka, maan no patayo ka. Adi</p>	<p>Pada waktu dahulu, ada seorang perempuan asing yang datang ke tempat ini, di kampung Batition ini. Jadi, orang-orang datang menemuinya; mempelawanya naik ke rumah. Dan, ada pula seorang perempuan yang menawarkan diri untuk berkawan dengannya. Lalu, ketua di sana berkata, “Kamu berkawanlah dengannya, kasihan dia,” katanya. Jadi, bersahabatlah perempuan itu, sehingga genap satu tahun.</p> <p>Setelah genap setahun perempuan itu tinggal di kampung ini, orang-orang di kampung inipun merancang untuk membunuh perempuan asing itu, untuk dijadikan korban penyuci kawasan. Tapi, perempuan itu tidak mengetahui akan rancangan mereka. Kemudian, orang-orang itu mengumpulkan tujuh kampung di sekeliling untuk memutuskan hal itu. Setelah berbincang, mereka menetapkan bahwa selepas enam hari, iaitu pada hari ketujuh perempuan itu akan dibunuh. Apabila tibanya masa yang dijanjikan, perempuan itupun mengetahui bahawa dirinya akan dikorbankan. “Aduhai,” kata perempuan itu, “rupanya saya telah tertipu, saya sangka kamu betul-betul mahu berkawan dengan saya, tapi rupanya kamu hendak membunuh saya. Tapi, kalau kamu mahu membunuh saya, bunuhlah dengan secepatnya, jangan langkah-langkahkan masa, sebab daging saya ini terasa pedih sangat,” kata perempuan itu. “Baiklah,” kata orang-orang kampung.</p> <p>Jadi, kononnya, mereka menetapkan janji, iaitu enam hari kemudian, maka perempuan itu akan</p>	<p>There was a woman of another race that came here to Batition long ago, they say. The people greeted her well; they brought her into their house. There was a woman here that became her friend. A leader said, “Befriend her, the poor thing.” So this woman befriended her for one year.</p> <p>After one year the people began talking about killing her as a sacrifice for cleansing the land. But the stranger woman didn’t know about that. Then they woke up people from seven villages and gathered them for a meeting. They came to an agreement that after six days, and on the seventh, they would sacrifice the woman. When the agreed upon time arrived, the woman heard that they were going to sacrifice her. “Oh no,” said the woman, “I’ve been tricked. I thought that you were sincerely befriending me, and in fact you are going to kill me. But if you are going to kill me, don’t delay, because I am getting get sharp pains in my flesh.” “Alright,” said the people there.</p> <p>So then that was what they had agreed to, after six days and on the seventh day they would</p>

iri no; ontod dit keeso, koduo, kotolu, kaapat, kolimo, koonom tadlaw dîiri dot miuriringkaw nôono it tulun, miumpug-umpug nôono it tongo tulun dit turu o pomogunan. Mangalawis kikiawi dot tumbalang; tumbalang ot linowisan kikiawi. Nokuro ong kôosusu kosodoy ong, asal ko eelo monguut dit tumbalang diri, i linowisan, naan taakay kiawi.

Adi, om kinam nôono kabarasan iri, korikot it koturu tadlaw, turus tabpa'ay ka i tongondu. Mogiad it tongondu ka, dot ololomu no it tongondu ka boh dino. Tu aa-i pipingkasa'an dit tulun siri papaakan, momiara. Adi, korooto dîiri ka om potimpako no sid tuod dot robuk. Sid tuod nga orobuk no ot pinotimpakan.

Om kinam nôono it tongo tulun mititimung kabarasan, mantad dit minsasarap, mititimung no it tulun ka, mi'indad-mi'indad. Ka dit tongondu ka, "Ay, kadaay oku dikoo piantatara'ay, tu okogid o tonsi ku," ka dit tongondu ka. Adi, iri diri nga mookôdut it tongondu ka, mookôdut sid tompok dit robuk, momurineet. Dot it momurineet it tongondu bo diri kabarasan, mongintulus beeri, mongintulus iri, i momurineet diri. Jaji, woy nopo dit sumakay i tadlaw kabarasan om noompung no it tulun, ka. Hay, tinumuwong it tulun ka boh. Iri no, turus do toboko diri i tongondu nga, nokogiyak it tongondu ka. Adi, iri, tanganak, osukod, moleeng, nokuro ong moleeng no banar, asal kadapat po mamanaw, om it tanganak nga ong keelo po monguyut dit linowisan, monobok kikiawi. Sampay noruta, nokosawur do tana it koyuwan dit tongondu. Nisawur do tana dîiri.

dibunuh. Jadi, dari hari pertama, hari kedua, hari ketiga, hari keempat, hari kelima dan hari keenam mereka mengambil masa untuk berkumpul dan menyiapkan keperluan untuk membunuh perempuan itu, tujuh buah kampung semuanya yang bersiap-siap. Mereka mengambil sejenis buluh dan menajamkannya. Semua orang mengambil bahagian dalam kerja itu, bahkan walaupun bayi kecil, asalkan pandai memegang batang buluh, akan diberikan batang buluh itu.

Setelah tiba pada hari yang ketujuh, iaitu hari yang dijanjikan, perempuan itu terus ditangkap dan diletakkan di atas tunggul kayu yang sudah reput. Perempuan itu menangis dengan sedihnya. Padahal tubuh perempuan itu sangat sehat dan berisi kerana, orang-orang kampung ini tidak henti-henti memberikan makanan kepadanya sebelum tiba masanya ia dibunuh. Mereka mengikat tangan dan kaki perempuan itu dan meletakkannya di atas tunggul kayu yang sudah reput.

Lalu, kononnya, sejak pagi mereka mengambil masa untuk berkumpul, menunggu penduduk kampung lain yang belum sampai. Dan sementara perempuan itu pula berkata, "Aduhai, janganlah kamu melengah-lengahkan masa untuk membunuh saya, sebab daging saya ini terasa pedih sangat," katanya. Dan tangannya pula tidak henti-henti mencubit-cubit pada hujung tunggul yang reput itu dan mulutnya pula kumat-kamit, seolah-olah membacakan jampi. Padahal dia sedang mengucapkan sumpah kepada seluruh penduduk tujuh kampung yang terlibat. Setelah hari sudah hampir tengahari, orang ramai pun sudah sampai semuanya. Kampung ini seakan-akan menjadi gelap kerana terlalu banyak orang yang datang. Setelah semuanya berkumpul, perempuan itu terus ditikam dengan menggunakan buluh yang sangat tajam, oleh semua penduduk tujuh kampung, bahkan kanak-kanak yang masih kecil, dan

kill her. So then, from the first, second, third, fourth, fifth, sixth day, then they alerted everyone in seven villages to gather. Everyone sharpened bamboo sticks. Even if they had just been born the night before, as long as they could hold onto bamboo sticks, they were given sharpened bamboo.

So as things continued on, when the seventh day arrived, they straightaway captured the woman in question. The woman cried. They say she was a very fat woman, because she had been very well fed by the people there. Then they tied her up and put her on top of a rotten tree stump. On a stump, but it was already rotten.

The people began gathering there from morning time, and then waiting. The woman said, "Don't make me wait, because I feel sharp pains in my flesh." And she was pinching the top of the stump and chanting incantations. The incantations she was saying were curses; indeed she was putting curses on the people from the seven villages. As the sun started to get high in the sky [around 10AM], everyone had gathered. The people then were in darkness. Then they immediately stabbed the woman and she let out a scream. Children, adults, old people, even if they were very elderly, as long as they could still walk, and as long as the children could hold the bamboo stick – all of them stabbed her. This went on till her body was sliced and diced, and then it got mixed into the soil. The soil and her

(Nokopiisop it tana om it tonsi dit tongondu. Ririnutad.)

Aji, naka po dino ino, norurutad po, na, aa elaan, turu tadlaw ko turu wulan neeri dati. Ba, it tongo tinanom, nga kadung-ko tonomon it tongo paray, tonomon it tongo guol, tonomon it tongo togilay, tonomon tongo sangop, tongo tombunan, asal ko sumuni, osubur. Om nunûunu it tongo koowaan, sobila ong monguwa, asapow, ajadi ino ka.

Ba, najadi dot kaa dino ino, tap kapo om, irad-ko linudsuan dîiri i pomogunan siri, dot minatay i tulun, matay i tongo tulun. Dot okon-ko nunu; i minongintulus it tongondu. Minaan powoyo'o di robuk it tutulus yo. Irit modut-koôodut ka it tongondu, it leed dit mipumpung it tulun, mongintulus. Bang okon-ko niasan i walay, opunso it tulun siti. Minaan dîiri iasay.

Nga, it tongo tulun dit minogidu mantad sitid pomogunan siti, amu elala'an dîiri ong siongo ot kinoririkoton. Kopisasambat nopo om kopi'ilo dit nimpunon dit tongo taki, tongo todû, na okon-ko mi'u'ulun, ong kopisasambat, om kopitututuran, ka di tongo moleeng dagay. Waro ong sid tongo Togibang, waro ong id Lingkabaw, waro ong sid Sonsogon, niasan dit tongo tulun. Waro ong id Sama, waro ong id Rungus. Ino-no, nee'as it tulun ka.

Na ino-no, minaan i tongondu

orang-orang tua yang masih kuat berjalanpun turut sama menikam perempuan itu. Setelah perempuan itu mati ditikam, mereka lalu mencincang tubuh perempuan itu, sehingga hancur berkecai, dan bercampur dengan tanah.

Jadi, setelah tubuh perempuan itu dicincang-cincang, dan entah berapa lama selepas itu, entah tujuh harikah atau tujuh bulan kemudian, apapun jenis tanaman yang ditanam semuanya akan tumbuh dengan subur sekali. Dan apapun jenis buah-buahan, bila saja tiba musimnya, buahnya sangat lebat.

Setelah semuanya dalam keadaan baik, tiba-tiba pula kampung itu mendapat malapetaka yang besar kerana kampung itu seperti disimbah dengan air panas. Banyak orang yang meninggal dunia. Hal itu adalah disebabkan oleh sumpah perempuan yang mereka bunuh itu. Perempuan itu menyalurkan sumpahnya pada tunggul kayu yang sudah reput itu. Sewaktu orang sedang berkumpul, dia mencubit-cubit tunggul itu sambil menyumpah orang-orang di situ. Kalau bukan kerana penduduk-penduduk kampung itu lari ke tempat lain, mungkin tidak ada satupun yang akan selamat daripada malapetaka itu. Rumah yang masih baru dan masih segar mereka tinggalkan dengan begitu sahaja.

Tapi penduduk kampung ini yang lari bertempiran ke tempat lain, tidak tahu ke mana mereka pergi. Bila berjumpa dengan orang-orang yang berasal dari kampung sini, dan bercerita (sembarang-sembarang), tiba-tiba pula ada kaitan keluarga, kata orang tua kami. Rupanya, ada yang lari ke kampung Togibang, ada yang di kampung Lingkabaw, dan ada pula yang lari ke kampung Sonsogon. Ada juga yang di sebelah Bajau, dan di sebelah Rungus. Penduduk kampung ini tercerai-berai.

Nah, itulah cerita sejarah

flesh got thoroughly mixed together.

When that was over – her body had been chopped up fine – I'm not sure if it was seven days or seven months after that. As for the various crops, when rice, taro, maize, cucumbers, squash were planted, as soon as they sprouted they flourished. Anything at all, fruit trees, when they bore fruit it was plentiful.

So things were like that, and out of the blue disaster struck, with people dying. It was none other than the result of the woman cursing them. She channeled her curse thru the rotten tree stump. It was her pinching the stump, casting a spell because of the people taking a long time to gather. If not for the people scattering, all the people would have been wiped out – they all scattered when the deaths began happening.

But the people who left the villages around here didn't know where they were headed. When our ancestors met and talked and found out where they came from, they discovered that they were not unrelated – that's what our ancestors told us. The people were scattered to Togibang, Lingkabaw, and Sonsogon. They also became Bajau and Rungus. The people became scattered.

So that's the story of how

dino diri patayo. I raa dit tongondu it nokosawur id tana nisogit dit pomogunan supaya osogit i pomogunan d̄iri. Nununu tonomon nga ajadi, nununu it tonomon nga ajadi. Nga iri nasala'an dit tongo moleeng iri, tu nitimpak id robuk. Ong okon-ko id robuk ot pinotimpakan diri, om sid tana, aa kopongintulus i tongondu. Naan po'ooko siri, naan powoyo'o di robuk it pongintulus. Maklum no ong it muula, eelo momurineet. Minaan galango id minsorili di tuod, nisuwang nogi it tongondu siri. Nga id robuk ot pinotimpakan obo, nasalaan, tu rumosi mogidu. Kaa dino.

Na ino-no gisom. Iri no o gisom dot tulun ot patayon dot pangaraa do pomogunan, aso po d̄iri antad diri. Aso po d̄iri tu it waro no d̄ino porinta. Amu mongoo i porinta ka dit tongo moleeng. Ino-no gisom ka.

It minonuturan diti tuturan diti, it tidi ya, mantad sid tama dit tidi doo, id taki-lombus, id do Ongkisos, tad kowusung yo-Sarayo. Yoalo dino ot rayatan dino dit muula dino. It tongo moleeng doalo ot nokeempuun dino, i Sarayo om i kuwo, it tongo taki-lombus do Aginging, taki-lombus doalo. Yokoy kikiawi noboh inoh, rumpungan dagay ino. Iri no ot gisom ka dit taki ya, ka di iyay. Aso no d̄iri tu amu mongoo ot porinta ka.

Iri nobo, kadung-ko momoros no tulun, “Boh, kada mongintulus, isawur teka do tana ki, ojurulan ong isawur teka dot tana,” ka. Ilot

mengenai dengan perempuan yang dikorbankan itu. Darah perempuan itu yang telah bercampur dengan tanah, adalah korban untuk “menyejukkan kawasan” [dan dengan demikian ia akan subur semula]. Apa-apapun jenis tanaman yang akan ditanam, semuanya berhasil dengan baik dan memuaskan. Tapi, masalahnya, orang-orang tua pada waktu itu, telah melakukan kesalahan, kerana mereka meletakkan tubuh perempuan itu di atas tunggul kayu yang sudah reput. Kalau mereka meletakkan tubuh perempuan itu di atas tanah, perempuan itu tidak dapat menyumpah. Kerana perempuan itu telah meletakkan sumpahnya pada tunggul kayu yang reput itu. Mereka membina pagar di keliling tunggul dan menempatkan perempuan itu di dalamnya. Tapi kesalahan mereka ialah menempatkannya atas tunggul, sebab mereka takut dia terlepas. Begitulah.

Inilah kali terakhir manusia dikorbankan untuk korban menyuburkan kawasan; sejak itu tiada lagi. Tidak ada sudah kerana, kerajaan sudah ada. Kerajaan tidak mengizinkan lagi perkara yang seumpama itu terjadi.

Orang yang menceritakan cerita ini adalah ibu saya. Kata ibu saya, cerita ini berasal dari bapa kepada ibunya, nenek moyang, kepada Ongkisos, si Sarayo. Merekalah itu keturunannya pada waktu dahulu. Orang tua mereka yang terdahulu. Sarayo dan nenk moyang Aginging. Dan kamilah ini keturunannya. “Sampai di situ saja,” kata datuk kami,’ kata ibu.” Tiada sudah, kerana kerajaan tidak izinkan.


Itulah sebabnya, bila saja orang bercakap, “Jangan kau menyumpah, nanti saya cincang kau dan campurkan pada tanah, kau akan

that woman was killed. The woman’s blood was mixed into the soil to act as a sacrifice to “cool down” the land [and therefore make it fertile again]. Whatever was planted it would flourish. But the mistake of our ancestors was to put the woman on a rotten tree stump. Had she not been put on that rotten stump, but rather on the ground, she would not have spoken the curses. The curses flowed thru the stump. The people in the past knew how to do incantations. They put a fence around the stump, and put the woman in there. But the mistake was putting her on the stump.

That was the end of sacrificing humans to restore the land to fertility; it was no longer done after that incident. After that the government came in and prevented it, according to our ancestors. That was the end of that practice.

The one who told this story was my mother, who got it from her mother’s father, Ongkisos. I’ll break the name taboo and say it was from the family of Sarayo. Those are the ones who descended from those original people. Their ancestors started all this, Sarayo and Aginging’s ancestors. All of us are their descendants. That’s the whole story according to our grandfather, said mother. Human sacrifice was not done again, because the government wouldn’t allow it.

When people say, “Don’t curse or I’ll mix you into the ground, you’ll suffer when I mix you into the ground,” that

<p>momoros dot isawur teka do tana ka, amu obbuli kabarasan ilo. Om ilot mongintulus. Tu iri, suntuan n̄ono iri ka. Iri no suntuan, amu obbuli, tu orongow do porinta ka, iimon kabarasan ka dit muula. Ino no gisom.</p>	<p>rasa bila kau dicampurkan ke tanah.” Orang yang berkata, ‘akan dicampurkan ke tanah,’ tidak boleh itu. Dan yang menyumpah juga. Sebab, sudah ada buktinya. Dan jika ada orang yang berbuat demikian, bila saja kerajaan tahu, mereka akan cari orang itu sampai dapat. Itulah penghujungnya.</p>	<p>speech is not permissible. Nor is cursing people, because those are copying what was done at that time. In the past, they said if you spoke thus the government would come after you. That’s the end.</p>
<p>General Editor / <i>Penyunting Umum</i>: James Johansson</p>		
<p>Kimarang Editors / <i>Penyunting Bahasa Kimarang</i>: Janama Lontubon & Rosnah Nain</p>		
<p> Creative Commons Attribution 3.0: Kimarangang.net 2012</p>		